

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HIS 301 - Sumber dan Prinsip Perundangan Islam

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab TIGA (3) soalan. SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Sebelum menjawab fahami dahulu soalnya baik-baik.

Tulisan hendaklah terang dan jelas.

Soalan jangan disalin.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Dia lah yang menciptakan bagi kamu segala yang ada di bumi ..." (Q.2:29).

Jelaskan maksud ayat ini terutama berkenaan dengan hukum Allah yang semestinya ditaati manusia dan tentang haram-halalnya sesuatu perbuatan.

2. "Wahai manusia, makanlah daripada benda-benda yang ada di bumi secara halal dan baik dan jangan ikuti langkah-langkah syaitan kerana ia itu seteru yang nyata kepada kamu" (Q.2:168).

Jelaskan maksud ayat ini dan terangkan asas undang-undang yang terdapat didalamnya.

.../2

BAHAGIAN B

3. "Hanyasanya Ia haramkan ke atas kamu bangkai, darah dan daging babi dan sesuatu yang disembelih kerana yang lain daripada Allah, maka sesiapa yang terpaksa bukan kerana ingkar dan bukan kerana melampau maka tiada dosa baginya, sesungguhnya Allah pengampun lagi penyayang" (Q.2:172).
- (a) Jelaskan maksud ayat ini.
  - (b) Prinsip apakah yang dapat dikeluarkan daripadanya?
  - (c) Dalam memeliharaakan apakah dapat timbul keadaan terpaksa itu?
  - (d) Beri sebuah contoh kewujudan keadaan terpaksa.
4. "Dan mereka yang menduduki negeri itu (Madinah) dan menganut iman sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin), mereka mengasihi orang-orang yang berhijrah kepada mereka dan tiada di dalam dada mereka hajat terhadap sesuatu yang diberikan kepada mereka (Muhajirin) dan mereka mengutamakan (orang Muhajirin) daripada diri mereka meskipun mereka di dalam kesempitan hidup dan sesiapa yang terpelihara daripada kebakhilan dirinya mereka itu adalah orang-orang yang berjaya" (Q.59:9).
- (a) Terangkan latar belakang ayat ini.
  - (b) Jelaskan prinsip yang dapat dikeluarkan daripada ayat ini.
  - (c) Jelaskan pula pilihan apa yang anda ambil jika anda melakukan perbuatan ibadah/tagarrub kepada Allah di dalam hal kepentingan anda berhadapan dengan kepentingan orang lain. Beri contohnya.
  - (d) Di dalam kes-kes di bawah ini apakah yang anda lakukan untuk menyesuaikan sikap anda dengan tuntutan syari'ah?
    - i. Anda sedang dahaga, si Fulan juga sedang dahaga; air yang ada di tangan anda hanya cukup untuk mengurangi dahaga satu orang. Pilih antara: Anda minum sendiri atau memberikannya kepada si Fulan.
    - ii. Anda hendak melakukan salat Zuhur; si Fulan juga hendak melakukan salat Zuhur; air yang ada di tangan anda hanya cukup untuk wuduk seorang sahaja, sedangkan air yang lain tidak ada. Pilih antara: Anda pergunakan sendiri atau anda berikan kepada si Fulan.

- iii. Sebelum salat Jum'at dilangsungkan anda telah duduk di saf pertama yang pada ketika itu sudahpun penuh dan tidak memungkinkan pertambahan walaupun seorang lagi tiba-tiba muncul seorang yang anda segani dan ingin duduk disebelah anda. Pilih antara: Anda duduk terus di situ atau bangkit dan memberikan tempat anda kepada orang itu.
- iv. Di dalam sebuah bas yang penuh sesak anda telah mendapat tempat duduk; seorang perempuan tua berdiri di dekat anda. Pilih antara: Anda duduk terus atau memberikan tempat anda kepada perempuan tua itu.

#### BAHAGIAN C

- 5. Jelaskan pertalian al-Sunnah dengan al-Qur'an dalam mengeluarkan hukum. Juga jelaskan apakah al-Sunnah dapat mengeluarkan hukum sendiri tanpa al-Qur'an. Beri contoh-contohnya.
  - 6. Di dalam mengambil hukum daripada al-Qur'an dipegang rumusan "suruh bererti wajib, melainkan jika ada karinah yang menghendaki erti lain". Anda dikehendaki memberi contoh:
    - (a) Suruh bererti wajib.
    - (b) Suruh bererti sunnat.
    - (c) Suruh bererti mubah.
- (b) dan (c) terangkan apa yang memalingkannya daripada erti wajib.

-oooOOoooo-